

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 1  
RUANGAN : MUKA DEPAN

UTUSAN M/S1 M/DEPAN 26/11/2024 (SELASA)

Pengguna sudah terima notis pemakluman kenaikan premium 40-70%

# Insurans perubatan makin membebankan

Oleh MOHAMAD HAFIZ  
YUSOFF BAKRI dan  
AMINNUDIN LOKMAN HAKIM  
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Polisi insurans perubatan semakin membebankan apabila ia dijangka naik antara 40 hingga 70 peratus tahun depan.

Ini berdasarkan notis yang dihantar oleh para penanggung polisi kepada pengguna memaklumkan mengenai kenaikan premium itu.

Alasan yang diberikan ialah kos perubatan di hospital swasta semakin mahal.

Ekoran itu ramai pengguna bertindak menamatkan polisi

insurans perubatan mereka kerana tidak lagi mampu menanggung peningkatan premium yang perlu dibayar setiap bulan.

Sebagai alternatif mereka memilih untuk menggunakan insurans yang disediakan oleh pihak syarikat atau menggunakan perkhidmatan hospital

kerajaan.

Majoriti pengguna kad insurans perubatan meluahkan rasa tidak puas hati dan mempersoalkan kenaikan tersebut yang bukan hanya membebankan, malah disifatkan sebagai tidak munasabah.

**Bersambung di muka 2**

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 2  
RUANGAN : DALAM NEGERI

Utusan Malaysia  
SELASA • 26 NOVEMBER 2024

2

UTUSAN MALAYSIA D/NEGERI 26/11/2024 (SELASA)

# Insurans perubatan makin membebankan

Dari muka 1

Bagi pengguna yang mahu dikenali sebagai Hamidi berkata, setakat ini dia sudah menerima surat daripada syarikat insurans yang menyatakan kadar kenaikan berkenaan akan berkuat kuasa Februari tahun depan.

"Pada tahun ini syarikat berkenaan sudah pun menaikkan kadar polisi lebih RM40.

"Dan untuk tahun depan, kadar tersebut akan naik sekali ganda lagi. Sebelum ini saya bayar RM188.47 sebulan dan selepas ini saya perlu bayar RM237.34 sedangkan pada tahun lalu berlaku lagi kenaikan, iaitu daripada RM157.69 kepada RM188.47.

"Persoalannya, mengapa kenaikan (polisi) berlaku setiap tahun? Perkara sebegini betul-betul membebankan kami," katanya kepada *Utusan Malaysia*, semalam.

Dalam pada itu, Hamidi berkata, kenaikan tersebut sangat ketara dan menimbulkan pelbagai persoalan.

"Ia bagaikan acara tahunan. Setiap kali minta penjelasan mereka akan kata ia disebabkan kenaikan kos rawatan. Apakah bukti yang mengatakan kos rawatan meningkat setiap tahun?"

"Adakah kenaikan ini disebabkan perkhidmatan daripada hospital swasta yang kita sendiri pun tidak tahu apakah garis panduan ditetapkan untuk setiap pesakit? Adakah terdapat 'pakatan' antara syarikat insurans dan hospital swasta dalam hal ini," soalnya.

Seorang lagi pengguna, Safie Wahab berkata, polisi insurans miliknya turut mengalami kenaikan sebanyak RM133 iaitu dari RM244 kepada RM377 sebulan.



**Kenaikan ini ada batasnya. Lagipun berapa jumlah wang yang mereka keluarkan untuk menanggung pencarum berbanding wang yang diterima syarikat?"**

Malah dia tidak menolak kemungkinan untuk menghentikan pembayaran dan perkhidmatan tersebut pada masa akan datang.

"Mungkin akan sampai masa orang ramai tidak lagi mampu membayar insurans kesihatan dan pemegang polisi insurans sedia ada mungkin membiarkan ia luput," ujarnya.

*Utusan Malaysia* cuba mendapatkan penjelasan beberapa syarikat insurans berhubung isu tersebut, namun tiada maklum balas sehingga kini.

Dalam pada itu Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (Cassa), Datuk Seri Dr. Jacob George berkata, bukan sesuatu yang wajar untuk menaikkan kadar premium insurans pada masa kini dengan mengambil kira faktor kos sara hidup.

"Kenaikan ini ada batasnya. Lagipun berapa jumlah wang yang mereka keluarkan untuk menanggung pencarum berbanding wang yang diterima syarikat?"

"Malah paling menyedihkan, ada masanya protokol bagi pen-

carum untuk membuat tuntutan agak rumit," jelasnya.

Jacob dalam masa sama menuntut syarikat insurans memaparkan jumlah kerugian tahunan mereka sekiranya mahu meningkatkan kadar premium.

"Mereka perlu tunjukkan berapa jumlah kerugian. Jika kenaikan ini berlaku, ia tidak mencerminkan pendekatan Kerajaan Madani. Justeru, menteri berkaitan jangan biarkan berlaku kenaikan," jelasnya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin berkata, pihaknya akan mengadakan perjumpaan bukan sahaja dengan syarikat insurans tetapi dengan hospital swasta bagi mendapatkan maklumat lanjut.

Beliau bersama ahli-ahli Parlimen PKR memulakan inisiatif mengumpul maklumat mengenai caj hospital swasta dan insurans perubatan yang melambung tinggi ketika ini.

"Kami sudah terima 52 aduan dan kita mahu lebih ramai buat aduan supaya kami boleh tahu lebih lanjut selain isu melibatkan caj hospital swasta," jelasnya.

Bagi perunding insurans yang mahu dikenali sebagai Ahmad, kenaikan kadar caj insurans kad perubatan bukan sesuatu yang baharu.

"Ada dua jenis. Satu dipanggil *step up* dan kadar tersebut pasti naik setiap tiga tahun sekali. Bagaimanapun dalam tempoh itu akan berlaku *repricing* (penentuan harga semula) bergantung kepada keadaan semasa seperti ekonomi, inflasi dan kadar caj perubatan.

"Satu lagi dipanggil *level contribution*. Jaraknya (kenaikan kadar) dalam tujuh ke 10 tahun. Bagaimanapun, ia sama dan penentuan harga akan dibuat dalam tempoh berkenaan," ujarnya.



**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 4**  
**RUANGAN : NASIONAL**

BH MALAYSIA NASIONAL 26/11/2024 (SELASA)

## 'Perubahan waktu kerja jururawat perlu kajian menyeluruh'

**Kuala Lumpur:** Majlis Eksekutif Tertinggi Persatuan Jururawat Malaysia (MNA) membangkitkan hak cuti rehat dua hari yang patut dinikmati jururawat negara ini, sekiranya perubahan waktu kerja shift baharu mengikut Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) dilaksanakan pada 1 Disember ini.

Majlis itu menyatakan, ketika ini jururawat bekerja dalam keadaan yang mencabar, termasuk beban kerja tinggi dan jadual tidak menentu.

Keadaan itu mengakibatkan peluang kumpulan barisan hadapan itu untuk menikmati dua hari rehat adalah kritikal, sekali gus mengganggu keseimbangan kerja dan kehidupan mereka.

"Akta Buruh 2023 menetapkan had kerja mingguan kepada 45 jam, namun persoalan yang timbul sama ada waktu kerja ini akan memberikan jururawat hak kepada dua hari cuti rehat seminggu, seperti dinikmati pe-

kerja pejabat.

"Atau jika sistem penggantian akan disediakan untuk memastikan jururawat dapat menggunakan waktu rehat tanpa mengganggu perkhidmatan pesakit.

"Perincian ini perlu dijelaskan agar tidak wujud ketidakseimbangan atau pelaksanaan yang tidak adil di antara sektor kerja," katanya dalam satu kenyataan, di sini semalam.

Majlis Eksekutif Tertinggi MNA juga berkata, perubahan waktu kerja jururawat perlu dinilai secara realistik dan memerlukan kajian menyeluruh.

"Sejarah perubahan waktu kerja jururawat juga membuktikan keperluan untuk menilai secara praktikal realiti kerja, kerana sebelum ini waktu kerja lapan jam sudah ditukar kepada tujuh jam kerana waktu rehat satu jam dalam jadual kerja lapan jam didapati sukar dimanfaatkan akibat tuntutan tugas berterusan.



Majlis Eksekutif Tertinggi MNA bangkitkan hak cuti rehat dua hari yang patut dinikmati jururawat negara ini. (Foto fail NSTP)

"Keadaan ini menunjukkan bahawa perubahan waktu kerja mesti berdasar kajian menyeluruh terhadap kemampuan untuk melaksanakannya dengan efektif di lapangan," katanya.

Katanya, pelaksanaan waktu bekerja yang lebih panjang boleh memberi risiko ke atas fizikal dan mental jururawat serta

secara tidak langsung, akan memberi kesan kepada perkhidmatan pesakit.

"Perubahan waktu kerja tanpa mengambil kira keadaan kerja sebenar, keperluan rehat mencukupi dan beban tugas jururawat boleh memberi implikasi negatif kepada keseimbangan kerja dan kehidupan mereka.

"Lebih penting, keselamatan pesakit juga berisiko jika jururawat tidak berada pada tahap optimum untuk melaksanakan tugas," katanya.

Oleh demikian, Majlis Eksekutif Tertinggi MNA menggesa Kementerian Kesihatan (KKM) membuka ruang dialog bersama wakil jururawat bagi membincangkan isu ini secara menyeluruh.

"Pendekatan bersepadu antara pihak berkepentingan amat penting bagi memastikan kebajikan jururawat terjamin, pesakit menerima perkhidmatan terbaik, dan pelaksanaan waktu kerja baharu dapat mencapai matlamat yang dikehendaki.

"MNA tetap komited memperjuangkan hak dan kebajikan jururawat dan kami juga percaya, dengan kerjasama semua pihak, penyelesaian yang terbaik dapat dicapai untuk masa depan profesion jururawat dan sistem kesihatan negara," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 21  
RUANGAN : NASIONAL

Sidang DUN Pulau Pinang *BH M/S 21 NASIONAL 26/11/2024 (SELASA)*

# Guna pas pelancong kendalikan pusat kecantikan haram

176 premis beroperasi tanpa lesen berisiko mudaratkan kesihatan pengguna

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof  
bhnews@bh.com.my

**Georgetown:** Sekurang-kurangnya sebanyak 176 pusat kecantikan dipercayai beroperasi tanpa memperoleh lesen daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang dikhawatiri boleh mendatangkan kemudoratan kesihatan kepada pengguna.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bantu Lanchang, Ong Ah Teong, mendedahkan pihaknya turut mendapati sebahagian besar pusat kecantikan haram terbabit dikendalikan warga China, Taiwan dan Korea Selatan yang datang ke Pulau Pinang menggunakan pas pelancong.

"Mereka bertindak sebagai doktor yang melakukan pembedahan kosmetik kepada pelanggan pada harga jauh lebih murah sehingga 50 peratus, berbanding kos ditawarkan pakar bertauliah.

"Kesannya dibimbangi amat berbahaya kepada pelanggan yang tidak memikirkan kesan dan akibat daripada perbuatan mereka," katanya pada perbahasan persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di si-



Ah Teong pada perbahasan Sidang Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, semalam. (Foto Mikail Ong/BH)

ni, semalam.

Ah Teong berpendapat, kempen kesedaran awam perlu dilaksanakan untuk mendidik masyarakat tentang bahaya prosedur estetik yang tidak dikawal selia oleh pihak berwajib.

Menurutnya, pengguna seharusnya mempunyai kesedaran untuk memilih perkhidmatan rawatan kecantikan dikendalikan doktor bertauliah dan tidak mudah terpedaya dengan tawaran harga murah dan promosi tidak munasabah.

## Farmasi melampaui batas

Katanya, satu lagi situasi dilihat semakin berleluasa ialah farmasi yang sepatutnya hanya menyediakan perkhidmatan farmasi seperti pemberian ubat-ubatan dianggap melampaui batas apabila turut menawarkan perkhidmatan kesihatan seperti ujian darah, pemeriksaan tekanan darah dan pembersihan telinga.

"Perkhidmatan sedemikian seharusnya hanya dijalankan profesional kesihatan yang berkelayakan seperti doktor dan ia bukan saja menjejaskan kualiti perkhidmatan kesihatan, malah boleh membawa kepada diagnosis salah dan rawatan yang tidak tepat.

"Individu yang menerima perkhidmatan itu mungkin tidak mendapat nasihat dan rawatan sewajarnya selain boleh mengakibatkan komplikasi kesihatan yang tidak diinginkan.

"Perkhidmatan ini juga boleh mendedahkan pelanggan kepada risiko jangkitan terutamanya jika peralatan yang digunakan tidak disteril dengan betul, boleh menyebabkan penyebaran penyakit berjangkit," katanya.

Beliau menggesa tindakan tegas perlu diambil untuk membanteras perkhidmatan kesihatan tidak bertauliah dengan meningkatkan operasi pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang.



AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 8  
RUANGAN : NEGARA

## Doktor hospital rugi RM134,323 ditipu pelaburan tidak wujud

**AWAS  
SCAM**



**MUAR** – Seorang doktor wanita berputih mata apabila kerugian RM134,323.83 selepas terperdaya dengan sindiket pelaburan dalam talian tidak wujud sejak tahun lalu.

Ketua Polis Daerah Muar, Asisten Komisioner Raiz Mukhliz

Azman berkata, pihak polis menerima laporan daripada mangsa yang bertugas di sebuah hospital kerajaan berusia 30 tahun pada 14 November lalu.

“Mangsa menyatakan pada 24 Mei 2023, dia telah mengikuti seminar melalui ‘google meet’ dan ditawarkan beberapa pakej pelaburan sebanyak RM138,000 serta dijanjikan keuntungan setiap bulan RM5,000 selama dua tahun.

“Berminat dengan keuntungan yang dijanjikan, pada 4 hingga 6 Julai 2023, mangsa telah membuat pembayaran keseluruhan sebanyak RM138,000 kepada satu akaun atas nama sebuah

syarikat,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Raiz Mukhliz berkata, sepanjang tempoh sehingga November tahun ini, mangsa hanya menerima dividen sebanyak RM3,676.13.

Tambahnya, mangsa berasa tertipu apabila individu yang tidak dikenali tersebut menyatakan syarikat mengalami kerugian dan tidak dapat membayar wang dividen yang telah dilaburkan.

Katanya, disebabkan tiada keuntungan diperoleh selama tempoh itu, mangsa akhirnya membuat laporan polis di sini pada 14 November lalu. Kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

+ Kosmo m/s 8 NEGARA 26/11/2024 (SELASA)

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 18  
RUANGAN : NEGARA

18 **Negara!**  
KOSMO MIS 18 NEGARA  
26/11/2024 (SELASA)  
Bilik rawatan  
SMK Derma  
bagaikan  
wad hospital

**KANGAR** - Bagaikan wad di dalam sekolah. Demikian keadaan sebuah bilik rawatan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Derma selepas dinaik taraf oleh Institut Jantung Negara (IJN), di sini kelmarin.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan IJN, Prof. Datuk Dr. Mohamad Ezani Md. Taib berkata, tanggungjawab sosial korporat itu dilaksanakan menerusi program Catch 'em Young.

"Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran kesihatan jantung dan memperkenalkan kerjaya dalam bidang perubatan kepada pelajar sekolah luar bandar.

"Selain itu, ia juga memberi fokus kepada penyediaan kesihatan berkualiti dan inspirasi dalam bidang perubatan kepada generasi muda," katanya di sini kelmarin.

Beliau berkata, SMK Derma merupakan sekolah ketiga yang menerima manfaat daripada program tersebut pada tahun ini selepas SMK Sultan Ahmad Shah, Cameron Highlands, Pahang dan Sekolah Kebangsaan (SK) Keruak, Jerneh, Terengganu.

"Projek naik taraf bilik rawatan ini dimulakan pada 15 November lalu dengan penglibatan 16 kakitangan IJN.

"Kami memastikan setiap aspek kerja menaik taraf memenuhi piawaian tinggi yang ditetapkan untuk kemudahan pelajar dan kakitangan sekolah," ujarnya.

Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail berkenan berangkat menyaksikan penyerahan projek naik taraf bilik rawatan tersebut.

Selain SMK Derma, SMK Perlis juga dipilih sebagai penerima program itu dengan sesi ceramah kerjaya.

Menurut Mohamad Ezani, ceramah tersebut melibatkan doktor dan jururawat IJN yang berkongsi pengalaman mereka dalam bidang perubatan bagi memberi inspirasi kepada pelajar untuk menceburi profesion berkeenaan.

Katanya, laluan kerjaya di kawasan sekolah turut diwujudkan dan dihiasi mural yang memaparkan pelbagai profesion perubatan seperti doktor, jururawat, dan ahli farmasi untuk mencetus minat generasi muda.